BANK NEGARA MALAYSIA
CENTRAL BANK OF MALAYSIA

SIARAN AKHBAR

No. Ruj.: 03/11/12

EMBARGO: Tidak boleh dicetak atau disiarkan sebelum pukul 1700 hari Khamis, 31 Mac 2011

PERKEMBANGAN MONETARI DAN KEWANGAN
Februari 2011

Keadaan Harga: Inflasi, seperti yang diukur oleh Indeks Harga Pengguna (IHP), meningkat kepada 2.9% pada asas tahunan pada bulan Februari. Ini mencerminkan terutamanya harga komoditi dan tenaga global yang lebih tinggi, yang seterusnya menyebabkan inflasi asas yang lebih tinggi di rantau ini dan di dalam negeri, terutamanya bagi komponen makanan dan bahan api. Bagi Malaysia, kenaikan harga makanan pada bulan Februari juga disebabkan oleh keadaan bekalan dan cuaca buruk semasa perayaan Tahun Baharu Cina. Selanjutnya, inflasi yang lebih tinggi telah dicatat dalam subkategori *makanan di rumah* dan *makanan di luar rumah* disebabkan oleh kenaikan harga *daging* dan *sayur-sayuran*. Inflasi dalam kategori *pengangkutan* lebih tinggi pada bulan tersebut mencerminkan pelarasan menaik terhadap harga petrol RON97 daripada RM2.40/liter kepada RM2.50/liter. Yang nyata, inflasi dalam kategori *perkhidmatan rekreasi dan kebudayaan* serta *pakaian dan kasut* menunjukkan trend menaik. Kategori *perkhidmatan rekreasi dan kebudayaan* mencatat inflasi yang lebih tinggi disebabkan terutamanya oleh kenaikan harga kelengkapan berkebun, tumbuhan dan bunga. Sementara itu, inflasi lebih tinggi dalam kategori *pakaian dan kasut* disebabkan oleh harga kapas global yang lebih tinggi.

Keadaan Monetari: Kadar antara bank stabil pada bulan Februari. Dari segi kadar faedah runcit, kadar pinjaman asas (base lending rate, BLR) purata bank perdagangan tidak berubah pada 6.27% pada akhir bulan itu. Kadar deposit runcit juga stabil. Wang secara luas (M3) berkembang pada kadar tahunan yang lebih sederhana iaitu 7.9% pada bulan Februari. Pada bulan itu, kesan pengembangan daripada pengeluaran kredit yang meningkat oleh sistem perbankan kepada sektor swasta, dan juga aliran masuk asing bersih telah diimbangi oleh aktiviti pemerolehan dana oleh Kerajaan. Sementara itu, wang secara kecil (M1) juga berkembang dengan lebih sederhana pada bulan Februari disebabkan oleh aliran masuk semula wang ke dalam sistem perbankan selepas perayaan Tahun Baharu Cina. Pembiayaan bersih kepada sektor swasta pada asas bulanan meningkat sebanyak RM13.4 bilion pada bulan Februari, didorong oleh terbitan sekuriti hutang swasta (private debt

securities, PDS) yang lebih tinggi. Terbitan PDS meningkat disebabkan oleh beberapa terbitan besar terutamanya untuk pembiayaan semula dan modal kerja. Walau bagaimanapun, pinjaman terkumpul dan penunjuk pinjaman utama lain menjadi sederhana berbanding dengan bulan-bulan sebelumnya berikutan jumlah hari bekerja yang kurang sedikit disebabkan oleh cuti perayaan Tahun Baharu Cina.

Sistem Perbankan: Permodalan sistem perbankan terus kukuh dengan nisbah modal wajaran risiko (risk-weighted capital ratio, RWCR) dan nisbah modal teras masing-masing pada 14.3% dan 12.6%. Paras pinjaman terjejas (impaired loans) bersih kekal stabil untuk mencakupi 2.3% daripada jumlah pinjaman bersih. Perlindungan kerugian pinjaman kekal pada 90.5%.

Kadar Pertukaran dan Rizab Antarabangsa: Pada bulan Februari, prestasi ringgit bercampur-campur berbanding dengan mata wang rakan perdagangan utama Malaysia. Ringgit menambah nilai berbanding dengan dolar Amerika Syarikat (AS) berikutan keyakinan yang berterusan terhadap prospek pertumbuhan Asia, yang mengukuhkan sentimen pelabur terhadap pasaran kewangan serantau. Pada bulan Mac, ringgit menambah nilai berbanding dengan semua mata wang rakan perdagangan utama Malaysia, kecuali euro. Rizab antarabangsa Bank Negara Malaysia berjumlah RM340.6 bilion (bersamaan dengan USD110.4 bilion) pada 15 Mac 2011. Paras rizab ini memadai untuk membiayai 8.9 bulan import tertangguh dan ialah 4.3 kali hutang luar negeri jangka pendek.

Bank Negara Malaysia
31 Mac 2011

Diterbitkan oleh:
Jabatan Komunikasi Strategik, Tingkat 14, Blok B, Bangunan Bank Negara Malaysia,
Jalan Dato' Onn, 50480 Kuala Lumpur, Malaysia.
Telefon: +60(3) 2698 8044 Faksimili: +60(3) 2693 6919
Web: www.bnm.gov.my

Inflasi meningkat pada bulan Februari

Inflasi



Inflasi: Sumbangan Mengikut Komponen



*Lain-lain termasuk *perkhidmatan rekreasi dan hiburan, minuman alkohol dan tembakau, pendidikan, kesihatan, hiasan, perkakasan dan penyelenggaraan isi rumah, komunikasi, pakaian dan kasut* dan *pelbagai barang dan perkhidmatan*

Kadar faedah stabil

Kadar Antara Bank Semalaman Purata



Kadar Antara Bank Purata



Kadar Deposit Bank Perdagangan



Kadar Pinjaman Bank Perdagangan



Mudah tunai dalam sistem perbankan kekal lebih daripada mencukupi

Nisbah Pinjaman-Deposit dan Nisbah Pembiayaan-Deposit



Mudah Tunai Terkumpul di Bank Negara Malaysia



Pertumbuhan wang secara luas menjadi sederhana

M1 dan M3



Penyumbang Utama Pertumbuhan M3



Aktiviti pembiayaan kekal teguh pada bulan Februari

Pembiayaan Bersih dan Pertumbuhan Pinjaman



Pinjaman Terkumpul Sistem Perbankan



Pembiayaan Kasar Sektor Swasta



* Tidak termasuk terbitan asing

Pengeluaran Pinjaman oleh Sistem Perbankan



Permohonan Pinjaman dengan Sistem Perbankan



Kelulusan Pinjaman oleh Sistem Perbankan



Permodalan sistem perbankan kekal kukuh dan kualiti pinjaman stabil

Kekukuhan Modal



Nisbah Pinjaman Terjejas Bersih dan Perlindungan Kerugian Pinjaman



* Mulai bulan Januari 2010, pinjaman yang dilaporkan adalah berdasarkan FRS 139. Penggunaan FRS139 adalah berdasarkan tahun kewangan bank.

[1] Merujuk kepada nisbah peruntukan am/peruntukan jejas nilai kolektif kepada jumlah pinjaman bersih.

Prestasi ringgit bercampur-campur

Indeks Prestasi Ringgit Berbanding dengan Rakan Perdagangan Utama*



* Mata wang dalam indeks: USD, CNY, SGD, JPY, EUR
Setiap mata wang mempunyai pemberat yang sama

Rizab Antarabangsa Bersih



Perangkaan Utama Monetari dan Kewangan

		Dis 10		Jan 11		Feb 11	
		Jumlah terkumpul	Pertumbuhan tahunan	Jumlah terkumpul	Pertumbuhan tahunan	Jumlah terkumpul	Pertumbuhan tahunan
		(RM b)	(%)	(RM b)	(%)	(RM b)	(%)
Agregat Monetari							
Wang rizab		61.3	11.8	68.1	16.4	63.1	5.6
M1		224.4	11.7	240.0	17.9	233.8	13.2
M2		1,060.2	7.2	1,082.4	9.1	1,074.3	8.3
M3		1,089.0	7.0	1,111.4	8.8	1,102.3	7.9
Sistem Perbankan							
Pembiayaan bersih[1]		17.4	11.3	7.2	11.5	13.4	11.9
Nisbah pinjaman-deposit (%) [2]		81.3		81.2		81.9	
Nisbah pembiayaan-deposit (%) [2&3]		87.7		87.3		88.0	
Pinjaman yang dipohon (pada tempoh berkenaan)		57.3	36.6	58.4	22.2	39.1	17.0
Pinjaman yang diluluskan (pada tempoh berkenaan)		31.2	17.3	27.5	17.6	21.2	7.1
Pinjaman yang dikeluarkan (pada tempoh berkenaan)		63.4	-2.6	66.0	16.4	50.2	-10.2
Pinjaman yang dibayar balik (pada tempoh berkenaan)		57.1	1.6	58.5	16.7	47.6	2.8
Keadaan Sistem Perbankan							
Nisbah Modal Wajaran Risiko (RWCR) (%)		14.8		14.1		14.3	
Nisbah Pinjaman Terjejas Bersih (%)		2.3		2.3		2.3	
Rizab Antarabangsa BNM (akhir tempoh)							
Rizab bersih dalam RM bilion		328.6		333.5		338.6	
Rizab bersih dalam Dolar AS bilion (bersamaan)		106.5		108.1		109.8	
Bilangan bulan import tertangguh		8.6		8.0		8.1	
Kadar Faedah pada akhir tempoh [purata bagi bulan]							
Kadar Dasar Semalaman (OPR)		2.75		2.75		2.75	
Antara bank:	Semalaman	2.72 [2.73]		2.74 [2.73]		2.72 [2.72]	
	1 minggu	2.77 [2.76]		2.76 [2.76]		2.76 [2.76]	
	1 bulan	2.83 [2.79]		2.80 [2.80]		2.79 [2.79]	
Deposit tetap bank perdagangan:	1 bulan	2.71		2.71		2.71	
	3 bulan	2.74		2.74		2.74	
BLR bank perdagangan		6.27		6.27		6.27	
ALR bank perdagangan		5.05		5.10		5.07	
Harga							
Indeks Harga Pengguna (IHP) (2010=100)		101.2	2.2	101.8	2.4	102.3	2.9

[1] Terdiri daripada pinjaman sistem perbankan dan sekuriti hutang swasta terkumpul (tidak termasuk bukan pemastautin dan Cagamas)

[2] Tidak termasuk transaksi institusi kewangan.

[3] Merujuk kepada nisbah pinjaman dan pemegangan sekuriti hutang swasta (PDS) oleh sistem perbankan atas deposit sistem perbankan.